

PENDUDUKAN JEPUN DI SABAH
1942-1945

LATIHAN ILMIAH INI DISEDIAKAN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SIDANG
1981--1982

OLEH
ABU BAKAR BIN HAJI ABDUL LATIP

untuk.

ayah dan ibu

PENGENALAN

Sejarah pendudukan Jepun di Sabah sememangnya tidak banyak ditulis oleh para sejarawan tempatan atau Orientalis. Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah saya jalankan di Arkib Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Yayasan Sabah dan di beberapa tempat tertentu serta dengan menemui beberapa orang tertentu yang pernah mengalami peristiwa pendudukan Jepun di Sabah, tidaklah dapat dinafikan bahawa bahan-bahan atau sumber-sumber utama mengenai sejarah pendudukan Jepun ini tidak banyak yang dapat ditemui. Oleh yang demikian saya menghadapi berbagai-bagai kesulitan dalam menjalankan kajian ini secara yang lebih terperinci. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini saya lebih banyak berpandukan kepada buku-buku sejarah yang telah diterbitkan serta menemui ramai beberapa orang tertentu yang pernah mengalami zaman pendudukan Jepun di Sabah. Walau bagaimanapun syukur saya kehadhrat Ilahi kerana dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dalam pengkajian ini saya tidak menentukan aspek-aspek manakah yang harus dipilih. Pengkajian ini dijalankan lebih umum iaitu meliputi semua aspek dalam zaman pemerintahan Jepun di Sabah. Tahun pengkajian ialah di antara 1942 hingga 1945. Walau bagaimanapun zaman sebelum pendudukan Jepun iaitu semasa pemerintahan British North Borneo Chartered

Company dari tahun 1881 hingga 1942 juga dititik beratkan sebagai tujuan perbandingan sahaja. Oleh kerana Sabah mempunyai kawasan yang luas, saya hanya dapat menjalankan pengkajian ini hanya di kawasan-kawasan sekitar Kota Kinabalu sahaja. Saya menganggapkan bahawa dengan tertubuhnya Arkib Negeri, Muzium Negeri, Perpustakaan Negeri dan Perpustakaan Yayasan Sabah yang terdapat di sekitar Kota Kinabalu ini akan terdapat juga bahan-bahan yang diperlukan untuk kajian. Tetapi sungguh mengecewakan sekali kerana terlalu kurang atau tidak ada langsung bahan-bahan yang diperlukan.

Dalam penulisan ini saya lebih suka menggunakan nama-nama lama bagi sesuatu tempat sesuai dengan masanya, seperti Jesselton iaitu merujuk kepada nama Kota Kinabalu sekarang ini. Saya juga menggunakan singkatan nama BNB bagi British North Borneo.

Untuk memudahkan lagi pengkajian ini, saya menggunakan tahun 1893 sebagai peringkat awal kedatangan mereka ke Sabah. Ini adalah bertujuan untuk melihat peranan-peranan yang dimainkan oleh Jepun di Sabah selepas pemulihan Meiji kerana pada zaman inilah terdapat beberapa rancangan Jepun untuk meluaskan pengaruh mereka terutama sekali ke kawasan Asia Tenggara. Slogan 'Asia untuk Asia' serta untuk mengwujudkan 'Greater Co-prosperity Sphere' merupakan propaganda Jepun supaya dapat menjayakan lagi rancangan mereka.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur kehadhrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, maka dapat lah saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini walaupun telah menghadapi berbagai-bagai masalah dan kekurangan pada diri saya. Latihan Ilmiah ini disediakan adalah bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia.

Tempat kajian, kekurangan sumber dan kesuntukan masa adalah merupakan di antara masalah yang saya hadapi ketika menjalankan kajian ini. Kajian ini dijalankan di Sabah dan sudah tentulah jarak di antara Sabah dengan Universiti Sains Malaysia terlalu jauh. Oleh yang demikian saya hanya dapat menjalankan kajian ini ketika waktu cuti pengajian Universiti pada cuti akhir semester kedua di antara bulan April hingga Jun dan hanya pada cuti antara semester iaitu pada bulan November. Walau bagaimanapun saya bersyukur kerana dapat menyempurnakan Latihan Ilmiah ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia Latihan Ilmiah saya iaitu Dr. Jagjit Singh Sidhu yang telah membantu, menyemak, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna kepada saya ketika menjalankan kajian ini. Kepada Yutaka Shimomoto (Konsul Jepun di Kota Kinabalu, Sabah) yang telah membantu saya menterjemahkan buku-buku berbahasa Jepun ke bahasa Malaysia serta saranan saranan yang telah dikemukakan.

Dalam proses persiapan Latihan Ilmiah ini, rabuan terima kasih saya ucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Negeri Sabah, kakitangan Perpustakaan Yayasan Sabah, kakitangan Muzium Negeri Sabah dan kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada pihak Yayasan Sabah yang telah memberikan bantuan kewangan untuk saya menjalankan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga saya merakamkan penghargaan kepada orang-orang yang telah saya temuramah seperti Cikgu Abdul Rahman Budar, Father Lee Syn Hon, Encik Abdul Jalil Abdul Hamid, Buchan Singh serta nama-nama mereka yang tidak dapat saya sebutkan.

Wassalam.

Abu Bakar Haji Abdul Latip,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang,
Februari 1982.

KANDUNGAN

	halaman
Pengenalan	i
Penghargaan	iii
Ringkasan	vi
 BAB I:	
Sabah semasa Pemerintahan Chartered Company Zaman sebelum Perang Dunia Kedua	1
 BAB II:	
Kedatangan Jepun	11
 BAB III:	
Pemerintahan Jepun	31
 BAB IV:	
Reaksi Penduduk	54
 BAB V:	
Penyerahan Jepun	72
 BAB VI:	
Kesimpulan	78
Bahan-bahan Rujukan	89

RINGKASAN

Pendudukan Jepun di Sabah. Begitulah tajuk Latihan Ilmiah saya sebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia. Dalam penyelidikan ini, saya tidak menumpukan kepada satu aspek tertentu sahaja mengenai pendudukan Jepun. Penyelidikan ini meliputi semua aspek-aspek yang terlibat iaitu dari mula kedatangan Jepun ke Sabah sehinggalah kepada penyerahan diri mereka di akhir peperangan dunia kedua.

Dalam bab I, dengan hanya berpandukan kepada buku-buku yang telah diterbitkan, saya menulis tentang negeri Sabah semasa pemerintahan British North Borneo Chartered Company. Secara ringkas, saya menceritakan tentang sejarah kedatangan Inggeris, dasar-dasar pemerintahan sehingga kepada kemajuan yang dicapai oleh mereka. Kemudiannya mengenai kebangkitan masyarakat pribumi menentang pihak penjajah. Dalam bab II pula ialah mengenai kedatangan Jepun ke Sabah iaitu bermula dari sejarah awal kedatangan sehinggalah kejayaan mereka menakluki Sabah semasa perang dunia kedua. Di bahagian ini lebih banyak penumpuan kepada peranan-peranan yang dimainkan oleh Jepun mengenai polisi mereka selepas kepada pemulihan Meiji 1868. Saya menganggap bahagian ini penting kerana ianya juga yang menentukan salah satu kejayaan Jepun.